

KANDUNGAN

<i>AL-FATIHAH</i>	5
Terjemahan ayat	6
Kupasan kalimah dalam ayat	6
Ringkasan kandungan ayat	8
Kepelbagaian bacaan	9
Hukum-hukum yang terkandung dalam ayat	10
Apakah basmalah suatu ayat dari al-fatihah?	10
Apakah hukum membaca basmalah dalam solat?	11
Apakah bacaan fatihah wajib dalam solat?	12
Apakah ma'mum juga membaca fatihah di belakang imam?	13
<i>PENYEMPURNAAN IBADAH HAJI DAN UMRAH</i>	15
Terjemahan ayat	16
Kupasan kalimah dalam ayat	18
Ringkasan kandungan ayat	19
Kaitannya dengan ayat sebelum	20
Sebab turunnya ayat	20
Kepelbagaian bacaan	21
Hukum-hukum yang terkandung dalam ayat	22
Apakah umrah suatu ibadah yang wajib seperti haji?	22
Apakah halangan yang dimaksudkan dengan احصرتم ?	23
Apakah yang wajib atas orang yang terhalang? Dimanakah tempat penyembelihan korban?	24
Apakah hukum orang yang bertamattu' dengan umrahnya lalu tidak dapat memperolehi korban?	25

Apakah syarat-syarat bagi diwajibkan Dam Tamattu'?	26
Siapakah yang dimaksudkan dengan penduduk masjidil-haram kota Mekkah?	27
Apakah dia bulan-bulan haji?	28
Apakah dibolehkan berihram untuk haji sebelum bulan-bulan haji?	28
Apakah larangan-larangan yang diharamkan bagi ihram haji?	29
Apakah hukum wukuf di Arafah? Bilakah mula waktu tersebut?	29
<i>SOLAT JUM'AT</i>	31
Terjemahan ayat	32
Kupasan kalimah dalam ayat	32
Ringkasan kandungan ayat	33
Sebab turunnya ayat	34
Kepelbagaian bacaan	34
Beberapa riwayat tentang kebesaran hari jum'at	35
Hukum-hukum yang terkandung dalam ayat	35
Apakah azan yang apabila dilaungkan wajib kita menyahutnya?	35
Adakah jual beli menjadi batal apabila azan dilaungkan?	36
Berapakah bilangan minima jemaah bagi solat jum'at?	37
<i>KEWAJIPAN PUASA BAGI ORANG ISLAM</i>	39
Terjemahan ayat	40
Kupasan kalimah dalam ayat	41
Ringkasan kandungan ayat	42
Sebab turunnya ayat	43
Kepelbagaian bacaan	45
Hukum-hukum yang terkandung dalam ayat	45
Apakah sudah pernah diwajibkan puasa atas kaum muslimin sebelum penetapan berpuasa pada bulan Ramadan?	45

Kelonggaran apabila sakit dan dalam perjalanan yang bagaimanakah yang dibolehkan berbuka meninggalkan puasa?	46
Bagaimanakah sifat perjalanan yang membolehkan seseorang itu tidak berpuasa?	47
Apakah meninggalkan puasa bagi orang yang sakit atau dalam perjalanan suatu kelonggaran atau suatu keharusan?	48
Mana yang afdal? Berpuasa atau berbuka?	49
Apakah mengqada' (membayar hutang) puasa itu harus berturut-turut?	50
Apakah yang dimaksudkan dengan firman Allah : وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ (Wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah) ?	50
Apakah hukum bagi wanita yang hamil dan yang menyusukan bila mereka tidak dapat berpuasa?	51
Apakah cara bagi menetapkan hari pertama bulan Ramadan?	51
Apakah perbezaan mutlak dianggap tetap wajib mula puasa?	52
Hukum seorang yang tersalah dalam menentukan waktu berbuka atau bersahur.	52
Adakah junub menghalang puasa?	53

Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٢﴾ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٣﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ
وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٤﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٥﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ ﴿٦﴾
غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

TERJEMANAN AYAT

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan semesta alam. Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang menguasai hari pembalasan. KepadaMu kami menyembah dan kepadaMu kami minta pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus. Jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau murkai dan bukan juga jalan orang-orang yang sesat.

KUPASAN KALIMAH DALAM AYAT

الحمد لله	• Puji-pujian, syukur • Dari Abu Hurairah, Rasulullah bersabda : “Apabila seorang hamba berkata الحمد لله , Allah swt berkata : “Telah benar apa yang dikatakan hambaKu, puji-pujian hanya bagiKu”
رب العالمين	• Rajanya dan pemiliknya • (الرب) dengan ال hanya bagi Allah sahaja
رب العالمين الرحمن الرحيم	• <i>Tarhib</i> dan <i>Targhib</i> • <i>Targhib</i> ialah khabar yang menakutkan • <i>Tarhib</i> ialah khabar yang mengembirakan

	• Puji-pujian bagi Allah
مالك يوم الدين	• Nama yang khusus untuk Allah walaupun hari akhirat belum tiba • Boleh disifatkan kepada makhluk sesuai dengan maknanya
يوم	• Dari terbit matahari hingga terbenamnya
الدين	• Balasan dari amalan baik dan buruk • Perhitungan segala amalan
	Apabila kita perhatikan dari ayat pertama hingga akhir ayat ini, ianya berbentuk puji-pujian kepada Allah. Manakala ayat-ayat seterusnya berbentuk perbualan dan doa hamba kepada Allah
نعبد	• Kami sembah dan kami taat • Taat pada dua perkara 1) Melakukan perintahNya 2) Menjauhkan laranganNya
نستعين	• Kami meminta pertolongan dan taufiq
اهدنا	• Doa dari hamba kepada Tuhannya • Tunjukilah kami jalan yang betul Hidayah / petunjuk yang dimaksudkan disini ialah hidayah taufiq (ilmu beserta amal)
الصراط	• Jalan
المستقيم	• Sifat jalan tersebut • Jalan yang lurus dan betul
أنعمت	• Jalan yang Engkau beri ni'mat padanya • Memberi makna jalan yang betul yang diredhai Allah • Membidas kata-kata golongan qadariah, mu'tazilah dan imamah yang beri'tiqad bahawa Allah lah pencipta segala perbuatan manusia

غير المغضوب عليهم	• (المغضوب) yang dimaksudkan ialah orang-orang Yahudi seperti di ayat (al-Fath : 6) • Yang Engkau murkai
ولا الضالين	• (الضالين) yang dimaksudkan ialah orang-orang Nasrani seperti di ayat (al-Maidah : 77) • Orang-orang yang sesat • Kata-kata arab, " ضل اللبن في الماء " susu itu larut (desolve) dalam air. Bermaksud jauh dari jalan yang benar

RINGKASAN KANDUNGAN AYAT

Allah swt telah mengajarkan kepada kita bagaimana kita harus memujiNya, mensucikan nama-namaNya dan menyanjungNya sebagaimana mestinya. Seolah-olah Allah berkata kepada kita, "Wahai hamba-hambaKu. Apabila kamu mensyukuri dan memujiKu maka katakanlah, الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Hendaklah kamu mensyukuriKu atas kebaikan yang Aku limpahkan kepada kamu. Maka Akulah Allah, Tuhan yang mempunyai kekuasaan serta yang tunggal dan esa. Tidak ada yang menyekutuiKu dalam segala sesuatu. Tuhan kepada semua manusia, jin, malaikat dan segala isi langit dan bumi. Akulah yang Maha Berkuasa. Akulah Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. RahmatKu mencakupi segala sesuatu dan limpah kurniaKu meliputi semua manusia.

Oleh sebab itu segala pujian dan syukur hanya ditujukan kepada Allah swt sahaja dan sekali-kali tidak kepada yang lain disebabkan limpahan nikmat dan rahmat yang telah Allah berikan kepada manusia yang berupa penciptaan, rezeki, keselamatan jasmani, akal fikiran dan banyak lagi yang sekiranya ingin dihitung oleh manusia niscaya dia tidak akan dapat menghitungnya.

Allah yang Maha Kuasa, tidak ada yang dapat mengalahkannya, yang mengatur segala urusan dan perkara hamba-hambaNya melalui undang-undang yang ditetapkanNya di alam ini yang sebenarnya kesemua undang-undang itu adalah bagi kemaslahatan manusia.

Dialah Allah yang memiliki kekuasaan, memberi pembalasan dan perhitungan pada Hari Kiamat. Oleh itu hendaklah kamu mengkhususkan pengabdian dan penghambaan hanya kepada Allah.

Katakanlah : “Ya Allah. Kami merendahkan dan memasrahkan diri. kepadaMu kami sujud dan menyembah. Kami mengkhususkan penyembahan kami hanya kepadaMu dan tiada yang lain yang layak disembah melainkan Engkau. KepadaMu kami meminta pertolongan supaya dapat kami beribadah kepadaMu, kerana tiada yang dapat menolong kami melainkan Engkau.”

“Kemudian Engkau teguhkanlah kami dalam Islam dan berikanlah kami kekuatan untuk beramal dan beribadah dengan ilmu yang telah Engkau berikan kepada kami.”

“Perkukuhkanlah keimanan dalam hati-hati kami dan jadikanlah kami termasuk orang-orang yang menempuh jalan yang diredhaiMu, iaitu jalan para Nabi-nabi, orang-orang yang baik-baik, para syuhada’ dan juga orang-orang yang soleh. Mereka itulah sebaik-baik teman kami dan janganlah Engkau golongan kami ke dalam golongan orang-orang yang sesat, yang tidak mengikuti agamaMu, yang kufur dengan ayat-ayatMu, yang kufur dengan risalah yang dibawa oleh para RasulMu. Engkau jauhkanlah kami Ya Allah dari jalan orang-orang yang Engkau murka. Ya Allah, perkenankanlah permintaan kami ini.”

KEPELBAGAIAN BACAAN

- 1) Jumhur membaca الْحَمْدُ dengan huruf dal berbaris depan.

Manakala Sufyan bin Uyainah membacanya الْحَمْدُ dengan huruf dal berbaris atas.

- 2) Jumhur membaca رَبِّ الْعَالَمِينَ dengan huruf ba’ berbaris bawah.

Manakala Zaid bin Ali membacanya رَبِّ الْعَالَمِينَ dengan huruf ba’ berbaris atas.

- 3) Jumhur membaca مَالِكِ يَوْمَ الدِّينِ dengan memanjangkan bunyi huruf mim.

Ibnu Katsir, Ibnu Umar dan Abu Darda’ pula membacanya مَلِكِ يَوْمَ الدِّينِ dengan memendekkan bunyi mim tersebut.

Ibnu Anbari berkata ada lima cara dalam membacanya :

a) مَالِكِ - Yang Menguasai

b) مَلِكِ - Raja

- c) مَلِك - Penguasa
- d) مَلِك - Raja
- e) مَلِك - Penegak

4) Jumhur membaca إِيَّاكَ نَعْبُدُ dengan huruf nun berbaris atas.

Al-Hasan membacanya إِيَّاكَ يُعْبَدُ dengan huruf ya' berbaris depan.

5) Jumhur membaca أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ dengan huruf sod.

Al-Mujahid dan Ibnu Muhith pula membacanya أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ dengan huruf sin.

HUKUM-HUKUM YANG TERKANDUNG DALAM AYAT

Hukum Pertama

Apakah basmalah suatu ayat dari Al-Quran?

Para Ulama bersepakat basmalah yang disebut dalam surah an-Naml adalah ayat dari surah tersebut.

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

"Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan sesungguhnya isinya, Bismillaahir Rahmaanir Rahiim."

Namun para ulama berselisih pendapat sama ada basmalah ayat dari surah fatihah ataupun tidak.

- 1) Pendapat Imam Syafie, beliau berkata ia adalah ayat dari surah fatihah.
- 2) Pendapat Imam Malik pula ia bukan dari surah tersebut.
- 3) Imam Hanafi pula berpendapat ia bukan ayat dari surah fatihah, bahkan ia adalah ayat yang lengkap, yang turun sebagai pemisah antara surah dengan yang lain.

Hujjah golongan pertama

Sabda Rasulullah saw : *"Apabila kamu membaca 'alhamdu lillaahi rabbil 'alamiin', bacalah juga, 'Bismillaahir Rahmaanir Rahiim'. Alfatihah adalah Ummul Quran dan Ummul Kitab. Basmalah pula salah satu dari ayatnya."*

Hujjah golongan kedua

- Hadis Aisyah ra. berkata: *“Rasulullah saw memulakan solatnya dengan takbir dan membaca ‘alhamdulillah rabbil ‘alamiin’.*
- Anas ra. pula berkata: *“Aku telah solat di belakang Rasulullah saw, Abu Bakar, Umar dan Uthman ra. Mereka semuanya memulakan bacaan yang jahar (yang kuat) dengan ‘alhamdulillah rabbil ‘alamiin’.”*

Tarjih

Al-Qurtubi berkata : “Yang paling tepat dari semua pendapat ini ialah pendapat Imam Malik, sebab al-Quran tidak ditulis dari khabar ahad آحاد , tetapi dari yang mutawatir متواتر , hadis yang positif yang tiada perbezaan pendapat padanya.”

Hukum Kedua

Apakah hukum membaca Basmalah didalam solat?

Dalam masalah ini para ahli fiqh berbeza pendapat :

- 1) Imam Malik berpendapat bacaan Basmalah dilarang dalam solat fardhu, baik dengan bacaan *jahar* (kuat) ataupun *sir* (perlahan), sama ada pada awal fatihah mahupun surah-surah yang lain.
- 2) Imam Abu Hanifah berpendapat, membaca basmalah dalam solat pada awal fatihah ataupun surah-surah yang lain dengan perlahan adalah baik.
- 3) Imam Asy-Syafie pula berpendapat, seseorang itu wajib membaca basmalah dalam solatnya pada rakaat yang membaca kuat maka dia kuatkan basmalahnya dan pada rakaat yang membaca perlahan dia perlahankan basmalahnya.
- 4) Imam Ahmad pula membacanya dengan suara yang perlahan dan tidak disunatkan membacanya dengan kuat.

Sumber perbezaan pendapat

Ia berasal dari masalah, adakah basmalah ayat dari surah fatihah ataupun tidak. Perkara ini telah kita bincangkan di atas dan ia balik kepada mana yang rajih (yang tepat).

Hukum Ketiga

Apakah bacaan fatihah wajib dalam solat?

- 1) Jumhur ulama menetapkan bahwa membaca fatihah merupakan syarat sah solat. Maka sesiapa yang ada kesempatan membacanya tetapi tidak melakukan demikian, maka solatnya tidak sah.
- 2) Imam Ats-Tsauri dan Abu Hanifah pula membolehkan solat tanpa membaca fatihah, namun ia merupakan perbuatan yang kurang baik tetapi tidak pula membatalkan solatnya.

Hujjah golongan pertama

Sabda Rasulullah saw: *“Tidak sah solat seseorang yang tidak membaca surah fatihah.”*

Hujjah golongan kedua

Firman Allah swt di dalam al-Quran :

فَاقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنَ الْقُرْآنِ

“... maka bacalah apa yang mudah bagimu dari al-Quran.”

Pada pendapat mereka Allah hanya mewajibkan membaca apa yang mudah dan tidak menentukan surah apa yang wajib.

Jumhur ulama menentang pendapat ini dan menjelaskan bahwa dalil ayat tersebut sebenarnya diturunkan mengenai solat malam.

Tarjih

Maka yang rajihnya jelas adalah pendapat golongan pertama.

Hukum Keempat

Apakah ma'mum juga membaca fatihah di belakang imam?

Para ulama bersepakat bahwasanya apabila seseorang ma'mum itu mengikuti solat imam dan imam dalam keadaan ruku', maka gugurlah kewajiban membaca fatihah bagi rakaat itu tetapi dia mendapat rakaat tersebut.

Perbezaan ulama ialah apabila ma'mum itu mengikut solat imam sebelum ruku'.

- 1) Mazhab Imam Syafie dan Hanbali mengharuskan ma'mum membaca fatihah dalam solat sir dan jahar.
- 2) Mazhab Maliki berpendapat ma'mum harus membacanya dalam solat sir dan tidak pula pada solat jahar.
- 3) Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahwa ma'mum tidak perlu membacanya pada solat sir mahupun jahar.

Hujjah golongan pertama

Sabda Rasulullah saw : *"Tidak sah solat seseorang yang tidak membaca surah fatihah."*

Hujjah golongan kedua

Firman Allah swt : *وَ إِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَ اَنْصِتُوا*

"dan apabila dibacakan al-Quran maka hendaklah kamu dengar dan diam ..."

Beliau memandang bacaan imam yang kuat sahaja menggugurkan kewajipan ma'mum membaca fatihah.

Hujjah golongan ketiga

Firman Allah swt : *وَ إِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَ اَنْصِتُوا*

"dan apabila dibacakan al-Quran maka hendaklah kamu dengar dan diam ..."

Hadis Nabi saw : *"Sesiapa yang solat dibelakang imam, maka bacaan imam itu mencukupi bagi ma'mum."*

Beliau memandang bacaan imam itu walaupun dengan perlahan juga cukup bagi ma'mum.

Penyempurnaan Ibadah Haji dan Umrah

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ فَإِنْ أُخْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ وَلَا تَخْلُقُوا
رُءُوسَكُمْ حَتَّى يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحَلَّهُ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِّن رَّأْسِهِ
فَفِدْيَةٌ مِّن صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ إِلَى الْحَجِّ فَمَا
اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ إِذَا رَجَعْتُمْ
تِلْكَ عَشْرَةٌ كَامِلَةٌ ذَلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَاتَّقُوا اللَّهَ
وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٦﴾ الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ
فَلَا رَفْتَ وَلَا فَسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٦﴾ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِّنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِندَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِّنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ ﴿١٩٧﴾ ثُمَّ أَفِيضُوا مِمَّنْ حَيْثُ أَفَاضَ النَّاسُ وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٨﴾ فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَّنَاسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلَاقٍ ﴿١٩٩﴾ وَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠٠﴾ أُولَٰئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٢٠١﴾ وَاذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ فَمَن تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٠٢﴾

TERJEMAHAN AYAT

Firman Allah swt dalam surah al-Baqarah, ayat 196 – 203 :

Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah, jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau kerana sakit), maka sembelihlah korban yang mudah didapat dan jangan kamu mencukur kepalamu sebelum korban itu sampai di tempat penyembelihannya. Jika ada diantaramu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu dia mencukurnya), maka wajiblah dia membayar fidyah iaitu puasa atau bersedekah atau berkorban. Apabila kamu telah aman, maka siapa yang ingin mengerjakan umrah sebelum haji (di dalam bulan haji), maka (wajiblah dia menyembelih) korban yang mudah didapat. Tetapi jika dia tidak jumpa (binatang korban itu atau tidak mampu) maka wajiblah dia berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari selepas pulang. Yang demikian itu sepuluh hari yang sempurna. Demikian itu (kewajipan membayar fidyah) bagi orang-orang yang keluarganya tidak berada (di sekitar) Masjidil-Haram (orang-orang yang bukan penduduk Mekkah). Dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa siksaan Allah itu sangat keras.

Musim haji adalah beberapa bulan yang dimaklumi. Maka barangsiapa yang mengerjakan haji dalam bulan itu, maka tidak boleh dia melakukan rafats, berbuat fasiq dan berjidal dalam masa mengerjakan haji. Dan apa saja kebaikan yang kamu lakukan, niscaya

Allah mengetahuinya. Dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal.

Tidak berdosa bagimu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu. Maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah, berzikirlah kepada Allah di Masy'aril-Haram. Dan berzikirlah (dengan menyebut) kepada Allah sebagaimana yang ditunjukkanNya kepadamu dan sesungguhnya kamu sebelum itu termasuk orang-orang yang sesat.

Kemudian bertolaklah kamu dari tempat bertolaknya orang-orang ramai (ke Arafah) dan mohonlah ampun dari Allah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun Penyayang.

Apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah hajimu, maka berzikirlah kepada Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut (nenek moyangmu), bahkan berzikir lebih banyak dari itu. Diantara mereka ada yang berdoa; "Ya Tuhan kami, berilah kami (kebaikan) di dunia" dan tidak ada lah baginya bagian (yang menyenangkan) di akhirat.

Dan diantara mereka ada yang berdoa; "Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari siksaan neraka."

Mereka itulah orang-orang yang mendapat bagian dari apa yang mereka usahakan, dan Allah sangat cepat perhitungannya.

Dan berzikirlah kepada Allah dalam beberapa hari yang terhitung. Maka barangsiapa yang ingin bergegas (keluar dari Mina) selepas dua hari, maka tiada dosa baginya, barangsiapa yang ingin melambatkan (selepas 3 hari) maka tiada dosa baginya, bagi orang-orang yang bertaqwa dan bertaqwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu akan dikumpulkan kepadanya.

KUPASAN KALIMAH DALAM AYAT

أُخْصِرْتُمْ	• ditahan dan dikurung • terhalang dalam perjalanannya kerana sakit atau terputusnya jalan
الْهَدْيِ	• haiwan yang dikorbankan berupa unta, lembu atau kambing • haiwan yang dihadiahkan
مَحَلَّة	• tempat di mana terjadi pengepungan atau halangan tersebut

تُسَلِّكُ	• binatang yang disembelih, untuk dikorbankan demi mendekatkan diri kepada Allah
رَفَثَ	• mengeluarkan perkataan yang tidak elok • melakukan perbuatan yang ada hubungannya dengan persetubuhan atau yang menimbulkan berahi yang menuju ke arah itu
فُسُوقَ	• keluar dari keta'atan kepada Allah
جِدَالَ	• bertengkar dan berbantah-bantahan
الرَّادِ	• bekal • bekal untuk akhirat dengan amalan yang baik dan tepat
جُنَاحَ	• keberatan atau dosa
أَفْضَتُمْ	• bertolak
عَرَفَاتِ	• Arafat : tempat lapangan luas bagi para jemaah haji berwukuf
الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ	• Bukit Muzdalifah
قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ	• apabila kamu telah menyelesaikan amalan-amalan yang diperintahkan kepadamu dalam ibadah haji
خَالِقِ	• bahagian

RINGKASAN KANDUNGAN AYAT

Allah menyuruh orang-orang yang beriman agar menyempurnakan ibadah haji dan umrahnya, serta menunaikan manasik haji sesempurna-sempurnanya, demi mengharap keredhaan Allah swt. Apabila seorang yang sedang melakukan ibadah haji terhalang untuk menyempurnakannya, oleh musuh atau kerana sakit dan dia hendak bertahallul, maka wajiblah baginya menyembelih korban yang mudah didapatinya berupa unta, lembu atau kambing. Allah melarang seseorang itu bertahallul sebelum korbannya sampai di tempat penyembelihan yang ditentukan. Bagi orang yang sakit atau ada gangguan di kepalanya, bolehlah dia mencukur kepalanya tetapi wajib baginya membayar fidyah, iaitu puasa tiga hari, atau menyembelih seekor kambing, atau bersedekah kepada enam orang miskin.

Orang yang mengerjakan umrah di bulan-bulan haji, wajiblah bagi mereka selepas bertahallul menyembelih korban yang mudah didapati sebagai tanda syukur kepada Allah. Jika tidak dapat melaksanakan korban itu maka hendaklah dia berpuasa sepuluh hari, tiga dalam masa berhaji dan tujuh selepas pulang ke tanahair mereka. Umrah tamattu' itu adalah khusus bagi jemaah yang bukan penduduk Mekkah. Tidak ada umrah tamattu' bagi penduduk Mekkah dan tidak wajib bagi mereka menyembelih korban.

Selanjutnya Allah menerangkan bulan-bulan haji, syawal, zul-kaedah dan sepuluh hari dari zul-hijjah. Allah memerintahkan kepada orang-orang yang telah berniat haji agar meninggalkan adat kebiasaan mereka, meninggalkan hidup bersenang dengan nikmat dunia kerana dia sedang bertawajjuh kepada Allah dan menharap keredhaanNya. Maka wajiblah dia menjauhi pasangannya, meninggalkan maksiat, pertengkaran dan berbantah dengan orang lain. Hendaklah dia berbekal untuk akhirat dengan amalan-amalan yang baik dan tepat agar dapat mendekatkan diri kepada Allah.

Kemudian Allah menerangkan bahawa mencari rezeki semasa haji tidak dilarang dan bahawa perniagaan yang sifatnya duniawi tidak bertentangan dengan ibadah haji yang sifatnya ukhrawi. Pada awalnya ummat Islam merasa bersalah dan berdosa dengan mengerjakan amalan duniawi dalam ibadah. Maka Allah menjelaskan bahawa mencari rezeki adalah suatu kurnia dari Allah. Tiada kesalahan atas perniagaan mereka asal haji mereka ikhlas kerana Allah dan bukan kerana perniagaan yang ingin diraih keuntungan.

Selanjutnya Allah menyuruh manusia setelah mereka meninggalkan Arafah, supaya banyak berzikir mengingat Allah di muzdalifah dengan berdoa, bertakbir dan bertalbiah demi mensyukuri nikmat Allah atas iman yang mereka peroleh. Apabila selesai melaksanakan manasik atau tuntutan haji, hendaklah mereka banyak berzikir kepada Allah bahkan berlebihan, lebih dari mereka menyebut nama-nama nenek moyang mereka kerana berbangga-bangga.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas; "Orang-orang jahiliah dahulu berdiri di musim haji saling membanggakan kebesaran nenek moyang mereka. Salah seorang dari mereka berkata: 'Dahulu ayahku selalu memberi makan kepada jemaah haji. Dia sendiri menanggung beban.' Tidak ada yang disebut-sebut melainkan perbuatan nenek moyang mereka. Kemudian Allah menurunkan ayat :

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا

"Apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah hajimu, maka berzikirlah kepada Allah, sebagaimana kamu menyebut-nyebut (nenek moyangmu), bahkan berzikir lebih banyak dari itu."

KAITANNYA DENGAN AYAT SEBELUM

Diterangkan hukum-hukum ibadah haji sesudah diterangkan hukum-hukum ibadah puasa ialah kerana bulan-bulan haji datangnya langsung selepas bulan puasa.

Adapun ayat mengenai jihad yang terletak antara ayat-ayat puasa dan haji, ia diturunkan untuk menerangkan hukum bulan-bulan haram, ihram dan Masjidil-Haram. Ketika Rasulullah saw hendak melaksanakan ibadah umrah dan dihalang oleh kaum musyrikin, untuk kali pertamanya di Hudaibiyyah. Kemudian Nabi berniat untuk mengqada'nya pada tahun berikutnya, tetapi para sahabat khawatir kaum musyrikin akan mengkhianati mereka, maka Allah menurunkan ayat-ayat tentang hukum peperangan. Kemudian perbicaraan mengenai penyempurnaan ibadah haji. Wallahu a'lam.

SEBAB TURUNNYA AYAT

1. Diriwayatkan dari Ka'ab bin Ujrah ra : *"Aku pernah dibawa kepada Nabi saw sedang kutu kepalaku bertaburan di wajahku. Maka Rasulullah berkata: 'Aku tidak sangka bahawa engkau menderita begini berat. Dapatkah engkau menyembelih seekor kambing?' 'Tidak' jawabku. Lalu Rasulullah berkata: 'Berpuasalah tiga hari atau beri makan kepada enam orang miskin. Kemudian cukurlah kepalamu.'" Kemudian turunlah ayat :*

فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ بِهِ أَذًى مِنْ رَأْسِهِ

"Jika ada diantaramu yang sakit atau ada gangguan di kepalanya (lalu dia mencukurnya)"

"Ayat tersebut turun tentang diriku secara khusus tetapi menjadi umum untuk kalian"
(riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas ra : *"Dahulu orang-orang Yaman berhaji tanpa membawa bekal dan berkata, 'Kami orang-orang yang bertawakkal.' Lalu mereka meminta-minta dari manusia. Maka Allah menurunkan ayat :*

وَتَزُودُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى

"Dan berbekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa".

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Abu Daud dan an-Nasaai)

3. Diriwayatkan oleh Aisyah ra : *"Pada masa jahiliyah Quraish dan yang seagama dengan mereka berwukuf di Muzdalifah, yang mereka namakan pada masa itu Humus,¹ sedangkan bangsa arab yang lainnya berwukuf di Arafah. Ketika datangnya Islam, Allah menyuruh Rasulullah menuju ke Arafah dan berwukuf di sana, kemudian bertolak ke Muzdalifah. Perintah itu disebutkan dalam ayat :*

ثم افيضوا من حيث افاض الناس

“Kemudian bertolaklah kamu dari tempat bertolaknya orang-orang ramai (ke Arafah)”

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Turmudzi)

KEPELBAGAIAN BACAAN

- 1) Jumhur qurra' membaca **أَوْ تُسْئِلُكَ** dengan huruf sin berbaris depan. Al-Hasan pula membacanya **أَوْ تُسْئِلُكَ** dengan huruf sin berbaris mati.
- 2) Jumhur qurra' membaca **فَلَا رَفَتْ وَلَا فَسَوْقَ وَلَا جَدَالَ** dengan setiap huruf akhir berbaris atas. Abu Ja'far dan Ibnu Katsir membacanya dengan membariskan huruf-huruf tersebut ke baris depan **فَلَا رَفَتْ وَلَا فَسَوْقَ وَلَا جَدَالَ**

1) Humus **خُمْس** menurut bahasa arab: negeri yang bertanah keras.

HUKUM-HUKUM YANG TERKANDUNG DALAM AYAT

Hukum Pertama

Apakah umrah suatu ibadah yang wajib seperti haji?

Para ulama berbeza pendapat tentang hukum ibadah umrah.

- 1) Ulama mazhab Syafie dan Hanbali berpendapat umrah adalah wajib, sama dengan haji. Pendapat ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan dari Ali ra, Abdullah bin Umar dan Ibnu Abbas.
- 2) Ulama mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa ia adalah sunnat berdasarkan pada hadith yang diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud dan Jabir bin Abdullah.

Hujjah golongan pertama

- Firman Allah swt :

“Dan kamu sempurnakanlah ibadah haji dan umrah.”

- Hadith Rasulullah saw :

“Barangsiapa mempunyai binatang korban, hendaklah dia menyembelihnya demi untuk haji atau umrah.”

“Umrah termasuk dalam pekerjaan haji (sepanjang zaman) hingga hari kiamat.”
(riwayat Muslim dari Jabir dalam sebuah hadits yang panjang tentang kisah ‘Haji Wada’)

Hujjah golongan kedua

- Umrah tidak disebut-sebut dalam ayat-ayat yang menunjukkan kepada kewajiban mengerjakan ibadah haji. Contoh firman Allah :

“Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah.”

“Dan serulah kepada manusia untuk mengerjakan haji.”

- Hadith-hadith sahih yang menerangkan dasar-dasar asas agama tidak tercantum didalamnya masalah umrah. Hal ini membuktikan bahawa umrah bukan suatu ibadah yang wajib dan ia berbeza dalam hukum dengan haji. Contoh sabda Rasulullah :

“Ibadah haji adalah jihad, umrah adalah sukarela.” (riwayat Ibnu Abi Syaibah, Ibnu Majah)

Hadith riwayat Jabir bin Abdullah bahawa datang seseorang bertanya kepada Nabi tentang umrah, apakah ia suatu ibadah yang wajib? Nabi saw menjawab : *“Tidak. Tetapi adalah lebih baik jika kalian ber-umrah.”*

Menjawab mengenai ayat dan hadith yang dikemukakan oleh golongan pertama adalah hukum jika sudah menjatuhkan niat.

Tarjih

Asy-Syaukani berkata : “Harus diusahakan mempersatukan dalil-dalil tersebut, lebih-lebih lagi setelah Nabi menjelaskan secara ‘sorih’ (terang-terangan) dalam hadith Jabir bin Abdullah tentang tidak wajibnya mengerjakan umrah. Dengan yang demikian mencakup semua yang tersebut yang berupa dalil yang hanya member indikasi (tidak secara terang-terangan).

Hukum Kedua

Apakah halangan yang dimaksudkan dengan *أحصرتم* ?

Para ulama berselisih mengenai sebab yang masuk dalam bab halangan dan yang kerananya membalikkan orang yang berhram untuk bertahallul.

- 1) Jumhur ulama (Malik, Syafie, Hanbali) berpendapat bahawa halangan tersebut hanya dapat disebabkan oleh kepungan musuh, kerana ayat tersebut turunnya berhubungan dengan terhalangnya Nabi oleh kaum musyrikin Quraish.

Ibn Abbas berkata; “Tiada halangan selain halangan yang ditimbulkan oleh musuh.”

- 2) Abu Hanifah berpendapat bahawa halangan tersebut boleh disebabkan oleh kepungan musuh, sakit, takut, kehabisan biaya, sesat jalan, meninggalnya suami yang bersamanya ke haji dan lain-lain keuzuran yang mencegah pelaksanaan haji atau umrahnya.

Hujjah golongan pertama

- Firman Allah swt : “*Apabila kamu telah aman.*” Kalimat ‘aman’ menunjukkan aman dari musuh bukan dari sakit. Seandainya halangan itu disebabkan sakit niscaya Allah berkata, ‘Apabila kamu telah sembuh.’

Hujjah golongan kedua

- Firman Allah *فَإِنْ أُحْصِرْتُمْ* dari kalimat *إِحْصَارٌ* menurut ulama ahli bahasa, ia bermakna terhalang kerana sakit.

الْحَصْرُ pula bermakna terkepung dan tercegah oleh musuh. Seandainya halangan disebabkan hanya oleh musuh niscaya Allah berfirman *فَإِنْ حُصِرْتُمْ*

Tarjih

Pendapat Mazhab Hanafi lebih mantap kerana sesuai dengan zahir ayat yang cenderung kepada kemudahan dan juga sesuai dengan kemudahan Islam ke atas ummatnya. Ia juga dikuatkan oleh penjelasan ahli bahasa tentang perbezaan makna kalimat tersebut.

Hadith riwayat Aisyah, beliau berkata; “*Rasulullah saw pada suatu hari mengunjungi Dhuba’ah binti Zubair bin Abdul-Muttalib. Dhuba’ah berkata: Ya Rasulullah, saya berniat menunaikan haji, padahal saya sekarang ini sakit. Rasulullah berkata: Kerjakanlah hajimu dengan menyertakan sebagai syarat: ‘Tempat aku bertahallul ialah di mana aku terhalang oleh penyakitku.’*”

Hukum Ketiga

Apakah yang wajib atas orang yang terhalang? Dimanakah tempat penyembelihan korban?

(a)

- 1) Jumhur ulama berpendapat dalam nasnya jelas bahawa wajib baginya menyembelih korban. Sekurang-kurangnya ialah seekor kambing, tetapi afdalnya menyembelih lembu atau unta.
- 2) Abdullah bin Umar berpendapat bahawa yang mencukupi syarat korban ialah lembu atau unta. Kambing tidak mencukupi.

Hujjah golongan pertama

- Firman Allah: *“Jika kamu terkepung atau terhalang, maka sembelihlah korban yang mudah didapat.”*

‘yang mudah didapat’ memberi makna kambing sudah mencukupi syarat.

Tarjih

Yang sah ialah pendapat jumhur.

(b)

Para ulama berbeza pendapat mengenai tempat dimana korban itu harus disembelih.

- 1) Jumhur ulama (Malik, Syafie dan Hanbali) berpendapat bahwa penyembelihan harus dilakukan di tempat terjadinya halangan, sama ada tempat itu tanah haram ataupun bukan.
- 2) Abu Hanifah berpendapat bahwa korban itu tidak boleh disembelih kecuali di tanah haram (Mekkah).

Hujjah golongan pertama

- Kalimat *مَحَلَّة* di dalam ayat bermakna, ‘waktu di mana tahallul itu terjadi.’

Hujjah golongan kedua

- Firman Allah swt:

“Kemudian tempat wajib penyembelihannya ialah sampai di Baitil ‘Atiq (Baitullah).”

Tarjih

Yang sah ialah pendapat jumhur ulama. Berdasarkan apa yang dilakukan oleh Rasulullah saw ketika tertahan di Hudaibiyyah, beliau menyembelih korbannya disana. Hudaibiyyah bukan tanah haram. Ini menunjukkan tempat penyembelihan dilakukan (apabila terhalang) di mana dia terhalang.

Adapun ayat hujjah golongan kedua tadi, seperti yang dikatakan oleh Asy-Syaukani, berlaku bagi orang yang berada dalam suasana aman.

Hukum Keempat

Apakah hukum orang yang bertamattu’¹ dengan umrahnya, lalu tidak dapat memperolehi korban?

Firman Allah : *“maka siapa yang ingin mengerjakan umrah sebelum haji (di dalam bulan haji), maka (wajiblah dia menyembelih) korban yang mudah didapat.”*

Ayat ini menunjukkan orang yang bertamattu’ wajib menyembelih korban. Jika tidak dapat memperolehinya, maka wajib baginya berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh setelah pulang.

Para ulama berselisih pendapat mengenai masalah puasa.

- 1) Abu Hanifah berpendapat bahwa yang dimaksudkan dalam bulan-bulan haji itu ialah antara dua ihram umrah dan haji. Setelah selesai bertahallul dari umrahnya, hendaklah dia berpuasa, sekalipun dia belum ihram untuk haji. Afdalnya ialah puasa pada hari *tarwiah* (sebelum hari Arafah) dan pada hari arafah. Bermakna pada tanggal 7, 8 dan 9 zulhijjah.
- 2) Asy-Syafie berpendapat bahwa puasa itu tidak sah kecuali setelah ihram untuk haji.

1)Orang yang bertamattu’ ialah yang mengerjakan umrah di musim haji. Setelah selesai umrahnya dia bertahallul dan menjadi seperti seorang penghuni Mekkah. Dihalalkan baginya segala yang halal seperti biasa.

Sumber perbezaan pendapat

Kalimat **في الحج** . Abu Hanifah mentafsirkannya kepada ‘bulan-bulan haji’. Asy-Syafie pula menafsirkannya ‘dalam masa ihram untuk haji’. Setiap pendapat dalam tafsiran ini diamalkan oleh para sahabat dan tabi’in.

Tentang puasa tujuh hari juga ada perbezaan.

- 1) Mazhab Syafie mengatakan waktunya ialah setelah pulang ke tanahair.
- 2) Imam Hanbali berpendapat boleh dilakukan semasa dalam perjalanan pulang. Tidak perlu menunggu hingga sampai ke tanahair.
- 3) Abu Hanifah dan mazhab Maliki berkata yang dimaksudkan dengan ‘setelah kamu pulang’ dalam ayat ialah selesai dari semua amalan ibadah haji.

Tarjih

Asy-Syaukani berkata: Pendapat yang pertama adalah yang rajah kerana telah tersebut dalam hadith sahih al-Bukhari dari hadith Ibnu Umar, sabda Rasulullah saw :

“Barangsiapa yang tidak memperoleh binatang korban, maka wajib baginya berpuasa tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari apabila telah pulang kepada keluarganya.”

Dalam hadith Ibnu Abbas pula, *“... dan tujuh hari apabila kamu telah pulang ke negerimu.”*

Hukum Kelima

Apakah syarat-syarat bagi diwajibkan Dam Tamattu'?

- 1) Menurut jumhur ulama, ia disyaratkan lima syarat:
 - a. Mendahulukan umrah sebelum haji
 - b. Berihram untuk umrah dalam bulan-bulan haji
 - c. Mengerjakan ibadah haji pada tahun yang sama
 - d. Bukan penduduk Mekkah
 - e. Berihram untuk haji dari Mekkah. Sekiranya dia kembali ke miqat, maka tidak wajib baginya membayar dam tamattu'.
- 2) Menurut mazhab Maliki ada lapan syarat:
 - a. Menjamak umrah dan haji
 - b. Dalam satu perjalanan
 - c. Tahun yang sama
 - d. Dalam bulan-bulan haji
 - e. Mendahulukan umrah sebelum haji
 - f. Berihram untuk haji setelah selesai umrah
 - g. Dilakukan oleh orang yang sama
 - h. Bukan penduduk Mekkah

Hukum keenam

Siapakah yang dimaksudkan dengan 'penduduk masjidil-haram kota Mekkah'?

Firman Allah : *"... Yang demikian itu adalah bagi orang-orang yang keluarganya tidak berada (di sekitar) Masjidil-Haram (orang-orang yang bukan penduduk Mekkah)."*

- 1) Mazhab Ibnu Abbas dan Abu Hanifah mengatakan ia menunjukkan bahawa penduduk daerah sekitar kota Mekkah tidak boleh melakukan umrah tamattu'.
- 2) Imam Malik, asy-Syafie dan Ibnu Hanbal berpendapat bahawa seorang penduduk Mekkah boleh melakukan umrah tamattu' tanpa merasa terpaksa (sukarela) dan tidak wajib baginya korban atau puasa.

Hujjah golongan pertama

Kata ganti penunjuk ذاك (yang demikian itu) menunjuk kepada umrah tamattu' itu sendiri. Kiranya ia berbunyi, 'bertamattu' dalam umrah itu hanya bagi orang yang keluarganya tidak berada di daerah kota Makkah.'

Hujjah golongan kedua

Kata ganti penunjuk itu kembali kepada kata-kata yang paling dekat dengan kata ganti penunjuk. Dalam ayat tersebut, kata-kata yang paling dekat ialah masalah kewajiban menyembelih korban dan masalah berpuasa.

Selanjutnya ulama berbeza pendapat mengenai apa yang dimaksudkan dalam firman Allah:

"keluarganya tidak berada di Masjidil-Haram."

- 1) Imam Malik berpendapat, penduduk kota Makkah itu sendiri. Pendapat ini dipilih oleh at-Tohawi dan ditarjihkan
- 2) Ibnu Abbas berpendapat, penduduk daerah sekitar Masjidil-Haram
- 3) Asy-Syafie berpendapat, mereka itu ialah orang-orang yang tempat tinggalnya terletak pada jarak kurang dari jarak yang membolehkan qasar solat. Disokong oleh Ibn Jarir at-Tobari
- 4) Abu Hanifah berpendapat, mereka yang berada di miqat dan daerah-daerah sekitarnya dari segala penjuru

Tarjih

Pendapat Imam Malik. Wallaahu a'lam.

Hukum Ketujuh

Apakah dia bulan-bulan haji?

Para ulama berselisih pendapat mengenai bulan-bulan apakah musim haji itu.

- 1) Imam Malik, Ibnu Umar, Ibnu Mas'ud, Mujahid mengatakan ia adalah Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah penuh.
- 2) Jumhur ulama (Malik, Syafie, Ibnu Hanbal, Ibnu Abbas, asy-Sya'bi, an-Nakha'i) mengatakan bahawa ia adalah Syawal, Zulkaedah dan tanggal 1-10 Zulhijjah.

Asy-Syaukani berkata: "Bagi mereka yang mengatakan bulan haji hingga akhir zulhijjah maka tidak wajib baginya *dam ta'khir (denda)*. Bagi yang mengatakan hingga 10 zulhijjah pula wajib membayar dam ta'khir jika terlambat mengerjakan tawaf ifadah.

Hukum Kelapan

Apakah dibolehkan berihram untuk haji sebelum bulan-bulan haji?

Para ulama berselisih pendapat adakah sah ihramnya atau tidak.

- 1) Riwayat Ibnu Abbas ra, katanya: “Termasuk sunnat haji berihram untuk haji dalam bulan-bulan haji.
- 2) Imam Syafie berpendapat berihram sebelum haji dikira tidak cukup syarat ihram haji kerana ihramnya itu ihram umrah.
- 3) Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat berihram untuk haji sebelum bulan-bulan haji makruh.
- 4) Imam Abu Hanifah dan Malik berpendapat boleh berihram untuk haji dari bulan apa pun sepanjang tahun.

Hujjah golongan keempat

- Firman Allah swt : *“Mereka bertanya kepadamu tentang bulan sabit. Katakanlah bulan sabit itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan bagi ibadah haji.”* Mereka berkata sebagaimana ihram untuk umrah itu sepanjang tahun begitu juga berihram untuk haji.

Tarjih

Al-Qurtubi dan asy-Syaukani berkata pendapat asy-Syafie lebih tepat sebab ayat diatas bersifat umum sedangkan ayat-ayat yang bersangkutan tentang haji bersifat khusus.

Hukum Kesembilan

Apakah larangan-larangan yang diharamkan bagi ihram haji?

Allah telah mengharamkan beberapa perkara semasa ihram haji yang ditetapkan dalam nas quran dan juga hadith. Secara ringkasnya saya senaraikan sebagai berikut:

- a) Bersetubuh dengan segala pergerakan yang menuju ke arah perbuatan tersebut
- b) Melakukan perbuatan-perbuatan buruk dan maksiat
- c) Bertengkar dan berbantah dengan orang lain

Ini berdasarkan firman Allah yang tersebut: *“maka tidak boleh dia melakukan rafats, berbuat fasiq dan berjidal dalam masa mengerjakan haji.”*

- d) Ditetapkan dalam hadits beberapa larangan seperti berwangian, memakai baju yang berjahit, mengetip kuku, memendekkan rambut atau mencukur kepala. Dilarang ke atas kaum wanita pula menutup muka, memakai sarung tangan dan lain-lain lagi yang tersebut dalam kitab-kitab fiqh yang membahas masalah-masalah *furu'*.

Hukum kesepuluh

Apakah hukum wukuf di Arafah? Bilakah mula wufuk tersebut?

Para ulama bersependapat bahawa hukum wukuf di Arafah merupakan rukun haji. Tanpanya maka tidak sah hajinya.

Sabda Rasulullah saw: *"Haji itu ialah wukuf di Arafah (antara rukunnya). Barangsiapa yang datang pada malam jama'¹ sebelum terbitnya fajar, maka dia telah mendapat wukuf di Arafah."* (riwayat Imam Ahmad dan beberapa ahli hadits lain)

- 1) Jumhur ulama berpendapat wukuf bermula dari tergelincir matahari (zawal) tanggal 9 zulhijjah hingga terbit fajar tanggal 10 zulhijjah. Dan ia dapat dinyatakan sah bagi yang hadir di padang Arafah untuk sebahagian waktu sahaja dari waktu tersebut baik siang ataupun malamnya, dengan ketentuan yang wukuf pada siang hari wajib baginya meneruskan wukuf hingga terbenam matahari. Yang wukuf pada waktu malam pula tiada kewajipan atasnya sesuatu.
- 2) Diriwayatkan oleh Imam Malik, orang yang bertolak ke Muzdalifah sebelum terbenam matahari, maka hajinya pada tahun itu tidak sah dan dia diwajibkan mengulangi hajinya pada tahun berikutnya.
- 3) Ulama berselisih pendapat dalam masalah orang yang bertolak dari Arafah sebelum terbenam matahari. Apakah yang wajib ke atasnya?

Jumhur ulama (Hanbali, Syafie dan Hanafi) mengatakan bahawa wajib baginya membayar dam (denda).

Imam Malik mengatakan wajib baginya mengulangi hajinya serta menyembelih korban pada tahun berikutnya.

Wallaahu a'lam.

Solat Jum'at

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾ فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾ وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكَوْكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

TERJEMAHAN AYAT

Firman Allah dalam surah al-Jumu'ah, ayat 9 – 11:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila dilaungkan azan untuk menunaikan solat pada hari jum'at, maka bersegeralah kamu untuk mengingat Allah dan tinggalkanlah jual-beli kerana yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.

Apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah rezeki dan kurnia Allah, dan ingatlah kepada Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu menjadi orang-orang yang beruntung.

Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka melayaninya (perniagaan dan permainan tersebut) dan mereka meninggalkan kamu berdiri sendirian. Katakanlah apa yang di sisi Allah itu lebih baik dari permainan dan perniagaan itu dan Allah lah sebaik-baik pemberi rezeki.

KUPASAN KALIMAH DALAM AYAT

نُودِي	• diseru dengan seruan azan
يَوْمَ الْجُمُعَةِ	• hari jum'at • hujung minggu bagi orang Islam
فَاسْعَوْا	• bersegeralah • السَّعْيُ bermakna, berjalan dengan cepat
ذِكْرِ اللَّهِ	• Mengingati Allah yang dimaksudkan disini ialah solat jum'at
قُضِيََتِ الصَّلَاةُ	• Bila telah selesai solat • قُضِيَ disini bukan bermakna qada' solat
فَانتَشِرُوا	• Bertebaranlah kamu di muka bumi untuk melaksanakan kepentinganmu
وَابْتَغُوا	• carilah
فَضْلَ اللَّهِ	• rezeki dari Allah melalui jalan yang halal
انْفَضُّوا إِلَيْهَا	• mereka bubar dan meninggalkanmu untuk menuju ke tempat perniagaan dan permainan itu
تَرْكُوكَ قَائِمًا	• mereka meninggalkanmu berdiri • sesetengah ulama mengatakan dalam ayat ini membuktikan bahwa khutbah itu wajib dalam keadaan berdiri

RINGKASAN KANDUNGAN AYAT

Allah swt berfirman, “Wahai orang-orang yang beriman, yang percaya kepada Allah dan Hari Akhirat, apabila kamu mendengar laungan azan yang memanggil manusia untuk mendirikan solat jum'at, maka hentikanlah perniagaanmu dan pekerjaanmu. Bersegeralah ke masjid untuk melaksanakan perintah Tuhanmu berjemaah dengan orang-orang Islam yang lain.

Yang demikian itu lebih baik bagimu dan lebih utama sekiranya kamu benar-benar orang yang mengetahui.

Apabila kamu telah selesai menunaikan solat jum'at, maka bertebaranlah dan teruskanlah dengan pekerjaanmu mencari rezeki yang diberikan oleh Tuhanmu dengan cara dan jalan yang diredhai oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Allah tidak menya-nyiakan ibadahmu kepadaNya dan perbanyakkanlah berzikir kepada Allah agar kamu memperoleh keuntungan.

Kemudian Allah memberitahu hal keadaan sekumpulan manusia yang mengutamakan kesenangan dunia daripada kesenangan akhirat yang kekal. Mereka ini akan meninggalkan solat jum'at dan membiarkan Rasulullah berkhotbah demi kepentingan dunia yang ingin mereka capai. Sekiranya mereka itu orang-orang yang berakal, niscaya mereka mengetahui bahwa apa yang ada di sisi Allah adalah lebih baik dari apa yang mereka kejarkan dan sesungguhnya Allah lah sebaik-baik pemberi rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki.

SEBAB TURUNNYA AYAT

1. Imam Ahmad, Bukhari, Muslim dan at-Turmuzi meriwayatkan Jabir bin Abdullah berkata: “Ketika Nabi saw sedang berkhotbah pada hari jum'at dengan berdiri, suatu kafilah (rombongan) datang ke Madinah. Ramai sahabat-sahabat Nabi saw yang ada di masjid meninggalkan masjid dan menuju ke kafilah tersebut. Sehingga tinggal hanya dua belas orang sahaja, diantaranya, saya sendiri, Abu Bakar dan Umar. Lalu Allah menurunkan ayat:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا ...

“Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka melayaninya (perniagaan dan permainan tersebut) ...”

KEPELBAGAIAN BACAAN

- 1) Jumhur qurra' membaca الْجُمُعَةِ dengan huruf mim berbaris depan.
Az-Zuhri dan al-A'masy membaca الْجُمُعَةِ dengan huruf mim berbaris mati.
Abdul 'Aliah dan an-Nakha'i membaca الْجُمُعَةِ dengan huruf mim berbaris atas.
- 2) Jumhur qurra' membaca انْفَضُّوا إِلَيْهَا kata ganti ها ditujukan kepada makna perniagaan.
Ibnu Abi 'Ablah membaca إِلَيْهِ kata ganti ditujukan kepada makna permainan.

Ada pula yang membacanya **إِلَيْهِمَا** dengan kata ganti ditujukan kepada kedua-dua perniagaan dan permainan.

3) Jumhur membaca **فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ**

Diriwayatkan bahwa Ibnu Mas'ud dan Umar ra. membaca **فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ** tetapi seperti yang dikatakan oleh al-Qurtubi bahwa qiraat ini bukan qiraat qurani.

BEBERAPA RIWAYAT TENTANG KEBESARAN HARI JUM'AT

- 1) Hari jum'at merupakan hari yang mulia. Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sahihnya dari Nabi saw, beliau bersabda:

"Sebaik-baik hari yang terbitnya matahari padanya ialah hari jum'at. Pada hari itu diciptakan Adam as. lalu dia dimasukkan ke syurga dan pada hari jum'at juga beliau dikeluarkan. Tidak akan terjadi Hari Kiamat kecuali pada hari jum'at." (diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah)

- 2) Imam Malik dalam kitabnya 'Muwattha' meriwayatkan dari Rasulullah saw bahwa beliau bersabda:

"Sebaik-baik hari yang terbit padanya matahari ialah hari jum'at. Pada hari itu diciptakan Adam as. dan diturunkan dari syurga ke bumi. Pada hari itu taubatnya diterima dan pada hari itu juga dia wafat. Pada hari jum'at juga akan terjadinya hari kiamat. Tidak ada seekor binatang pun yang memasang telinganya kecuali jin dan manusia pada setiap hari jum'at sejak subuh hingga matahari terbit kerana takut sekiranya ditiup sangkakala pada masa itu. Pada hari jum'at ada masa yang tertentu semasa seorang muslim itu solat, dia memohon kepada Allah swt sesuatu dan Allah pasti memperkenankan permohonannya." (diriwayatkan oleh Malik, Ahmad, Abu Daud, at-Turmuzi yang mengatakan hadis ini sahih dan an-Nasaai)

HUKUM-HUKUM YANG TERKANDUNG DALAM AYAT

Hukum Pertama

Apakah azan yang apabila dilaungkan wajib kita menyahutnya?

- 1) Beberapa ulama berpendapat bahwa yang dimaksudkan ialah azan yang pertama
- 2) Jumhur ulama berpendapat yang dimaksudkan ialah azan yang dilaungkan setelah khatib berada di atas mimbar

Hujjah golongan pertama

Azan yang dimaksudkan ialah azan yang pertama yang diperintahkan oleh Khalifah Uthman pada zaman pemerintahannya kerana pada zaman itu beliau dapati jumlah orang-orang Islam bertambah ramai dan ada yang tinggal jauh dari masjid. Maka beliau memerintahkan azan pertama dilaungkan agar orang yang tinggal jauh sempat tiba di masjid sebelum azan yang kedua dan sempat mendengar khutbah.

Sekiranya yang dimaksudkan ialah azan yang kedua iaitu selepas khatib naik mimbar, maka orang yang tinggal jauh, malah ramai orang yang akan ketinggalan mendengar khutbah yang menjadi syi'ar hari jum'at.

Pada zaman Rasulullah tidak ada azan yang pertama. Yang ada hanya azan selepas khatib naik mimbar. Maka pada masa itu yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah azan yang kedua, tetapi pada masa itu jumlah muslimim tidak ramai dan mereka tinggal berdekatan dengan masjid. Maka mereka sempat tiba di masjid sebelum mula khutbah.

Hujjah golongan kedua

Azan yang dimaksudkan ialah azan yang kedua kerana itulah yang ada pada zaman Rasulullah dan pada zaman wahyu diturunkan kepada beliau. Rasulullah adalah orang yang paling mengambil berat tentang ummatnya. Sekiranya kaum muslimin tidak sempat ke masjid selepas azan kedua, maka Rasulullah lah orang yang pertama yang akan menyelesaikan masalah tersebut.

Dalam ayat ini juga mengharamkan jual-beli dan ia rujuk kepada azan yang sama iaitu azan yang kedua.

Tarjih

Pendapat golongan kedua iaitu pendapat jumhur.

Hukum Kedua

Adakah jual beli menjadi batal apabila azan dilaungkan?

Firman Allah swt: **وَدَّرُوا الْبَيْعَ** “dan tinggalkanlah jual-beli”. Ulama berbeza pendapat dalam hal ini adakah jual-beli menjadi batal atau sah?

- 1) Sebahagian ulama berkata ianya menjadi batal kerana ayat itu menyuruh kita meninggalkan jual-beli.
- 2) Jumhur ulama mengatakan hukum meneruskan jual-beli itu haram tetapi tidak membatalkan, qias kepada masalah solat di atas tanah rampasan yang hukum solatnya tetap sah tetapi makruh.
- 3) Imam al-Qurtubi berkata: Waktu-waktu yang diharamkan jual-beli ialah,

- a. Sejak zawal hingga akhir solat jum'at
 - b. Dari mula azan yang sebelum khutbah hingga waktu solat
- 4) Menurut mazhab Malik, jual-beli mesti ditinggalkan dan ia menjadi batal sekiranya setelah dilaungkan azan yang kedua, tetapi perkara-perkara yang lain seperti sedekah, nikah dan talak, dan sebagainya tidak membatalkan kerana perkara tersebut bukan amal kebiasaan manusia seperti jual-beli.
 - 5) Az-Zamakhshari pula berkata jual-beli pada waktu itu tidak batal dengan alasan ia sendiri tidak haram, namun jual-beli pada waktu itu membawa kepada kelalaian terhadap sesuatu ibadah yang wajib.
 - 6) Al-Qurtubi pula berkata jual-beli pada masa itu batal, berdasarkan sabda Rasulullah saw:

"Segala perbuatan yang tidak berdasarkan perintah kami, maka ia ditolak."

Wallaahua'lam

Hukum Ketiga

Berapakah bilangan minima jemaah bagi solat jum'at?

Tidak ada khilaf (perbezaan) antara ulama bahwa jemaah merupakan salah satu syarat bagi sahnya solat jum'at berdasarkan sabda Rasulullah saw:

"Solat jum'at adalah kewajipan setiap muslim, dilakukan secara berjemaah kecuali empat orang yang tidak diwajibkan, iaitu hamba, kaum wanita, anak kecil dan orang yang sakit."
(diriwayatkan oleh Abu Daud)

Para ulama khilaf dalam masalah berapakah jumlah minima bagi dapat melaksanakan solat jum'at.

Al-Quran dan hadis tidak menetapkan jumlah yang tertentu. Oleh sebab itu para ulama berbeza pendapat mengenai hal ini.

- 1) Mazhab Hanafi mengatakan cukup empat orang seorang dari mereka menjadi imam. Bahkan ada yang berkata tiga orang sudah mencukupi.
- 2) Mazhab Syafie dan Hanbali mengatakan jumlah minimanya ialah empat puluh orang.
- 3) Mazhab Maliki pula mengatakan tidak disyaratkan jumlah tertentu, tetapi disyaratkan solat itu dihadiri jemaah seperti satu perkampungan dan terjadi diantara mereka jual-beli. Tidak pula sah solat jum'at dengan hanya tiga atau empat orang.

Tarjih

Menurut Ibnu Hajar, mazhab Maliki yang paling kuat dengan hujjahnya.

Kewajiban Puasa Bagi Orang Islam

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢٠١﴾ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٠٢﴾ شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُم وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٢٠٣﴾ وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿٢٠٤﴾ أَجَلٌ لَّكُمْ لَيْلَةُ الصِّيَامِ الرِّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَخْتَانُونَ أَنفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَابْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٠٥﴾

TERJEMAHAN AYAT

Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atasmu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.

laitu dalam beberapa hari yang tertentu. Jika ada diantara kamu yang sakit atau dalam perjalanan, (lalu dia berbuka) maka wajiblah baginya berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, iaitu memberi makan kepada seorang miskin. Barangsiapa yang dengan rela hatinya hendak melakukan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya dan berpuasa itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.

(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) Bulan Ramadan, bulan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Oleh itu, sesiapa diantara kamu yang menetap (dalam Negara yang dia tinggal) di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka wajiblah baginya berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak pula kesusahan. Hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan agungkanlah Allah atas petunjuk-petunjukNya supaya kamu bersyukur.

Dan apabila hamba-hambaku bertanya kepadamu tentangKu, maka jawablah bahwasanya Aku dekat. Aku mengabulkan doa dan permohonan orang yang berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka mematuhi segala perintahKu dan beriman kepadaKu agar mereka sentiasa berada dalam kebenaran.

Dihalalkan bagi kamu malam hari berpuasa itu untuk kamu bergaul dengan pasangan-pasangan (isteri-isteri) kamu. Mereka adalah pakaian bagimu dan kamu juga pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahwa kamu tidak akan dapat mengawal nafsumu. Maka oleh itu Allah mengampuni kamu dan memaafkanmu. Sekarang campurilah mereka dan carilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu dan makan minumlah hingga terang benang putih dari benang hitam, iaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu hingga malam. Janganlah kamu mencampuri mereka jika kamu beri'tikaf di masjid. Itulah larangan Allah maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat kepada manusia supaya mereka bertaqwa.

(al-Baqarah, ayat 183 – 187)

KUPASAN KALIMAH DALAM AYAT

الصِّيَامُ	• Dari segi bahasa : Menahan diri dari sesuatu dan meninggalkannya • Dari segi syara' : Menahan diri dari makan, minum dan
------------	---

	persetubuhan, disertai dengan niat berpuasa sejak terbit fajar hingga terbenam matahari
فَعِدَّةٌ	Yang dapat dihitung
يُطِيقُونَهُ	Mereka yang berpuasa tapi dengan berat dan kesusahan hingga terpaksa berbuka
فِدْيَةٌ	Sesuatu yang digunakan manusia untuk menebus dirinya, berupa wang atau lain kerana terjadi kekurangan dalam salah satu amalan ibadahnya
شَهْرٌ	Bulan
رَمَضَانَ	Dinamakan Ramadan kerana pada waktu itu, bulan Ramadan jatuh pada waktu matahari sangat panas yang kalau dalam bahasa arab disebut رَمَضٌ
رَفَثٌ	Mengeluarkan kata-kata yang membangkitkan hawa nafsu
تَخَانُثُونَ	Tergoda untuk berkhianat
عَاكِفُونَ	- Beri'tikaf - Tetap dalam melakukan sesuatu
حُدُودُ اللَّهِ	Larangan atau batasan-batasan Allah yang tidak boleh dilanggar

RINGKASAN KANDUNGAN AYAT

Allah swt memberitahu bahwasanya Dia telah mewajibkan puasa atas hamba-hambaNya yang beriman, sebagaimana Dia telah mewajibkannya ke atas ummat-ummat yang terdahulu. Allah swt telah memberikan alasan tentang kewajipan puasa itu dengan menerangkan manfaat yang amat besar dan hikmahnya yang luhur, iaitu agar jiwa orang yang berpuasa dapat dilatih dengan ketaqwaan dengan meninggalkan hawa nafsu keinginan-keinginan yang dihalalkan, demi mematuhi perintah Allah swt, serta mengharap pahala dariNya. Oleh yang demikian orang-orang yang beriman dapat digolongkan dalam golongan orang-orang yang bertaqwa yang menjauhi perbuatan-perbuatan yang diharamkan Allah swt.

Puasa yang diwajibkan oleh Allah ini hanyalah beberapa hari yang dapat dihitung, iaitu pada bulan Ramadan. Allah tidak mewajibkan puasa seumur hidup, keringanan dan rahmat

Allah ke atas hamba-hambaNya. Allah juga memberikan kelonggaran dalam berpuasa kepada orang-orang yang sakit kerana sekiranya mereka berpuasa boleh mendatangkan mudarat kepada mereka. Begitu juga kepada orang-orang yang dalam perjalanan yang merasa berat dan susah untuk berpuasa. Mereka dibolehkan berbuka, rahmat dari Allah dan kasih sayangNya dan mereka harus membayar ganti hari-hari puasanya itu kepada hari-hari lain selepas bulan Ramadan.

Selanjutnya Allah memberitahu bahwa bulan yang diwajibkan berpuasa itu ialah bulan Ramadan. Pada bulan inilah permulaan turunnya al-Quran ke atas Rasulullah saw. Al-Quran ialah kitab yang dijadikan sebagai petunjuk kepada manusia. Allah swt menekankan tentang pentingnya berpuasa pada bulan Ramadan kerana pada bulan tersebutlah turunnya rahmat Ilahi kepada orang-orang mukmin. Allah swt Maha Mengetahui kemampuan manusia. Maka oleh itu Allah memperkenankan bagi orang-orang yang sakit dan dalam perjalanan supaya berbuka.

Kemudian Allah menerangkan bahwasanya Dia itu dekat dengan manusia. Maha Mendengar doa dan Maha Mengabulkan doa orang-orang yang berdoa, serta memenuhi hajat mereka yang berhajat. Tiada tabir pemisah antara doa hamba dan Allah swt. Oleh itu hendaklah manusia berdoa hanya kepadaNya. Allah swt juga telah memberikan keringanan kepada orang-orang yang beriman dengan memperkenankan mereka menggauli isteri-isteri mereka pada waktu malam kerana Allah Maha Mengetahui bahwasanya manusia tidak akan dapat menahan hawa nafsu mereka. Tiada halangan untuk makan minum pada waktu malam hinggalah terbitnya fajar. Allah swt mengumpamakan isteri itu sebagai pakaian kepada suami, iaitu tempat si suami memperoleh ketenangan dan naungan. Begitu juga si suami kepada isterinya. Kelonggaran menggauli isteri tidak pula diberikan kepada orang-orang yang beri'tikaf di masjid kerana waktu i'tikaf ialah waktu pengabdian penuh hanya kepada Allah.

Kemudian Allah mengakhiri ayat-ayat ini dengan memberi peringatan dan amaran jika melanggar perintah dan laranganNya.

SEBAB TURUNNYA AYAT

- 1) Diriwayatkan oleh Ibnu Jarir dari Mu'adz bin Jabal ra. bahwasanya dia berkata: "Rasulullah tiba di Madinah, lalu beliau berpuasa 'asyura' dan berpuasa tiga hari setiap bulan. Kemudian Allah mewajibkan berpuasa pada bulan Ramadan dan menurunkan ayat :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ

"Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atasmu berpuasa ..."

hingga kalimat :

وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ

“... wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, iaitu memberi makan kepada seorang miskin ...”

Maka sesiapa yang hendak berpuasa maka dia berpuasa dan sesiapa yang tidak suka, maka dia berbuka dengan memberi makan kepada seorang miskin. Kemudian Allah mewajibkan puasa atas orang yang sihat dan menetap di negaranya. Di samping itu Allah tetap memberikan kelonggaran ke atas orang-orang yang sudah lanjut usia yang tidak mampu berpuasa dengan memberi makan seorang miskin. Maka turunlah ayat :

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

“... sesiapa diantara kamu yang menetap (dalam Negara yang dia tinggal) di bulan itu, maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu ...”

- 2) Diriwayatkan bahwa segolongan orang-orang arab Badui bertanya kepada Rasulullah saw: “Ya Muhammad. Apakah Allah itu dekat sehingga memadai bagi kita bermunajat (dengan suara yang pelan) begitu sahaja? Ataupun Allah itu jauh lalu kita harus berdoa dengan mengangkat suara? Lalu Allah menurunkan ayat:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

“Dan apabila hamba-hambaku bertanyakan kepadamu tentangKu, maka jawablah bahwasanya Aku dekat. Aku mengabulkan doa dan permohonan orang yang berdoa kepadaKu ...”

- 3) Diriwayatkan oleh al-Bukhari dari al-Barra’ bin Azib bahwa dia berkata : “Para sahabat Nabi saw berpuasa. Ada diantara mereka yang apabila tiba waktu berbuka mereka tertidur sebelum berbuka. Maka mereka tidak makan pada malam itu dan pada keesokan harinya mereka sambung puasa mereka dan berbuka pada waktu maghrib.

Diriwayatkan bahwa Qais bin Sharmah dari kaum Ansar sedang berpuasa. Pada siang harinya dia bekerja di kebun kurma. Ketika hampir waktu berbuka dia pergi menemui isterinya dan berkata : “Apa ada sesuatu yang dapat dimakan?” jawab isterinya : “Tidak ada. Tetapi aku akan keluar mencarikan sesuatu untukmu.” Qais yang bekerja sehari terasa penat dan akhirnya tertidur melewati waktu maghrib. Sementara itu datanglah isterinya dan dia melihat suaminya tidur dia berkata: “Celakalah engkau.” Pada keesokan harinya Qais jatuh pengsan kerana sudah menahan makan dan minum lebih dari sehari semalam. Maka Allah menurunkan ayat :

أَجَلَ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ

“Dihalalkan bagi kamu malam hari berpuasa itu untuk kamu bergaul dengan pasangan-pasangan (isteri-isteri) kamu ...”

Para sahabat sangat gembira dengan turunnya ayat ini, lalu turun lagi ayat :

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

“... dan makan minumlah hingga terang benang putih dari benang hitam, yaitu fajar ...”

KEPELBAGAIAN BACAAN

1) Jumhur membaca فَدْيَةٌ طَعَامِ مَسْكِينٍ

Nafi' dan Ibn Amir membacanya فَدْيَةٌ طَعَامِ مَسَاكِينٍ

HUKUM-HUKUM YANG TERKANDUNG DALAM AYAT

Hukum Pertama

Apakah sudah pernah diwajibkan puasa atas kaum muslimin sebelum penetapan berpuasa pada bulan Ramadan?

- 1) Yang nampak pada ayat أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ (*hari-hari yang dapat dihitung*) bahwa puasa yang ditetapkan hanyalah puasa pada hari-hari bulan Ramadan. Inilah pendapat yang dipegang oleh sebagahagian besar ahli tafsir. Riwayat ini diambil dari Ibnu Abbas dan Hasan dan ia menjadi pilihan Ibnu Jarir at-Tobari.
- 2) Dari Qatadah dan 'Atha', diriwayatkan bahwa yang diwajibkan ke atas kaum muslimin pada mulanya puasa tiga hari pada setiap bulan. Kemudian turun perintah wajib berpuasa bulan Ramadan.

Hujjah golongan pertama

Jumhur ulama berhujjah dengan firman Allah : كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ (diwajibkan ke atas kamu berpuasa) bersifat ringkas yang dapat diartikan bahwa puasa boleh dilakukan satu hari, dua atau lebih. Maka oleh itu dijelaskan dengan penjelasan oleh Allah swt أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ (*beberapa hari tertentu*). Penjelasan ini masih boleh ditafsirkan bahwa puasa boleh dilakukan seminggu atau sebulan lamanya.

Maka Allah swt menjelaskan dengan tegas شَهْرُ رَمَضَانَ iaitu puasa yang wajib ialah selama bulan Ramadan. Dengan adanya ayat ini jelas bahwa yang wajib ke atas umat Islam ialah puasa sebulan Ramadan.

Hujjah golongan kedua

Firman Allah swt : وَ عَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ (Wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah) menunjukkan bahwa puasa (sebelum adanya

puasa Ramadan) itu wajib berdasarkan kebebasan memilih berpuasa atau tidak, tetapi dengan membayar fidyah.

Adapun puasa Ramadan itu wajib menurut perintah Allah. Puasa beberapa hari yang bebas memilih untuk berpuasa atau tidak itu bukan puasa Ramadan yang diwajibkan kemudian.

Tarjih

Berkata Ibnu Jarir at-Tobari: “Dari pendapat di atas, menurut pemikiran saya, yang lebih tepat ialah pendapat yang mengatakan bahwa Allah swt memaksudkan dengan firmanNya : *أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ* (*beberapa hari tertentu*), hari-hari pada bulan Ramadan ini. Hal ini disebabkan oleh kerana tidak ada suatu riwayat yang menyokong bahwasanya pernah diwajibkan berpuasa ke atas ummat Islam selain bulan Ramadan. Dalam ayat-ayat ini yang jelas diwajibkan berpuasa ialah pada bulan Ramadan.

Maka tafsir firman Allah : *شَهْرُ رَمَضَانَ* (*Diwajibkan ke atas kamu wahai orang-orang yang beriman, supaya berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu, agar kamu bertaqwa, iaitu pada bulan Ramadan*)

Hukum Kedua

Kelonggaran apabila sakit dan dalam perjalanan yang bagaimanakah yang dibolehkan berbuka meniggalkan puasa?

Para ulama berbeza pendapat tentang sifat penyakit yang membolehkan tidak berpuasa.

- 1) Pendapat aliran *ظاهريه* (fenomenalis) yang mengatakan bahwa sakit dan dalam perjalanan secara mutlak membolehkan seseorang itu meninggalkan puasa, sekalipun perjalanan itu dekat dan sakit yang ringan, sakit jari atau gigi. Diriwayatkan oleh ‘Atha’ dan Ibnu Sirin.
- 2) Pendapat beberapa ulama yang mengatakan keringanan tersebut diberikan khusus bagi orang yang sakit yang sekiranya dia berpuasa dia merasa sangat susah. Begitu juga halnya dengan orang yang musafir. Pendapat al-Asham.
- 3) Pendapat sebahagian besar ulama fiqh. Bahwa sakit yang membolehkan seseorang itu meninggalkan puasa ialah sakit yang cukup keras yang dapat membawa kepada bahaya penderitannya, atau boleh menyebabkan penyakitnya itu akan bertambah teruk jika dia berpuasa, atau khuatir akan melambatkan sembuhnya penyakit tersebut.

Mengenai orang yang dalam perjalanan pula, mestilah perjalanan yang jauh yang umumnya membawa kesusahan jika berpuasa. Ini adalah pendapat keempat-empat Imam mazhab.

Hujjah golongan pertama

Mereka berdalil dengan firman Allah swt : *فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ* (Jika ada diantara kamu yang sakit atau dalam perjalanan) Di sini kata-kata 'sakit' dan 'dalam perjalanan' disebutkan secara mutlak, tidak dibataskan kepada sifat yang tertentu.

Hujjah golongan ketiga

Firman Allah swt : *يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ* (Allah menghendaki bagimu kemudahan dan tidak pula kesusahan)

Ayat ini dapat difahamkan, keringanan tidak berpuasa itu ialah untuk mencegah kesusahan dan kemudharatan. Oleh sebab itu sekiranya penyakitnya ringan atau perjalanan yang tidak menyusahkan maka tidak termasuklah dalam ayat ini.

Tarjih

Pendapat jumhur ulama kerana dalil yang lebih kuat dan bertepatan dengan akal manusia.

Hukum Ketiga

Bagaimanakah sifat perjalanan yang membolehkan seseorang itu tidak berpuasa?

Terdapat perbezaan pendapat antara ulama setelah mereka sepakat bahwa perjalanannya mestilah perjalanan yang jauh.

- 1) Menurut al-Auza'i, perjalanan yang jaraknya sejauh perjalanan satu hari.
- 2) Imam asy-Syafie dan Ahmad berpendapat bahwa ia harus sejauh perjalanan dua hari dua malam lebih kurang 78km.
- 3) Imam Hanafi dan ats-Tsauri menetapkan jarak tiga malam, lebih kurang 117km.

Hujjah golongan pertama

Perjalanan kurang dari satu hari dikira perjalanan yang dekat sebab seorang yang bermuqim (menetap) dapat melakukannya iaitu keluar dan pulang pada hari yang sama. Oleh itu sekiranya dia pulang pada keesokan harinya maka itu sudah dikira sebagai perjalanan yang jauh.

Hujjah golongan kedua

- a) Perjalanan yang syar'i dalam Islam ialah perjalanan yang membolehkan solat qasar. Kepenatan satu hari masih mudah ditahan. Qasar juga keringanan yang diberikan oleh Allah, sama seperti meninggalkan puasa dalam hal ini.

- b) Sabda Rasulullah saw : *“Wahai ahli Mekkah, janganlah kamu qasar solat kamu dalam perjalanan yang kurang dari empat pos dari Mekkah ke Asfan.”* (riwayat Ibnu Abbas)

Para ahli bahasa mengatakan jarak empat pos itu ialah 78km.

Hujjah golongan ketiga

- a) Firman Allah : *فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ* (maka sesiapa yang menyaksikan bulan Ramadan itu maka wajiblah dia berpuasa) wajiblah bagi kita berpuasa. Akan tetapi kita boleh meninggalkan puasa apabila dalam perjalanan tiga hari kerana ada perbezaan pendapat antara ulama dalam jarak perjalanan yang kurang dari tiga hari. Maka untuk lebih selamat dikira tiga hari.
- b) Qias dari hadis Rasulullah tentang masalah menyapu *khuffain* (kasut). Sabda Rasulullah saw : *“Orang yang menetap boleh menyapu sepasang kasutnya untuk jangka waktu sehari semalam, manakala orang yang musafir tiga hari tiga malam.”*
- c) Sabda Rasulullah : *“Seorang wanita tidak dibolehkan keluar bermusafir lebih dari tiga hari kecuali ada bersamanya mahramnya.”*

Tarjih

Dalam menghadapi masalah yang berhubungan dengan ibadah, seorang muslim harus berhati-hati dan seberapa boleh mengambil yang paling berat iaitu perjalanan jarak tiga hari atau 117km. Kesemua hadis yang disebutkan adalah sahih tertulis dalam Sahih al-Bukhari. Tetapi lebih selamat ialah mengikut pendapat Abu Hanifah.

Hukum Keempat

Apakah meninggalkan puasa bagi orang yang sakit atau dalam perjalanan suatu kelonggaran atau suatu keharusan?

- 1) Aliran *ظاهرية* (fenomenalis) mengatakan bahwa dalam kedua hal tersebut, seorang muslim itu wajib meninggalkan puasa dan membayarnya selepas Ramadan. Seandainya dia tetap berpuasa maka puasanya tidak sah.
- 2) Jumhur ulama dan ahli-ahli fiqh mengatakan bahwa ia adalah kelonggaran. Maka sesiapa yang terasa berat maka dia tidak puasa pada hari itu. Sebaliknya jika terasa ringan dan tiada masalah jika meneruskan puasa maka tiada salah baginya.

Hujjah golongan pertama

Firman Allah swt : *فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ* (maka sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan, maka wajiblah baginya berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain)

Menurut mereka dalam ayat ini ada faktor 'wajib' tinggalkan puasa jika sakit atau bermusafir.

Hujjah golongan kedua

Firman Allah swt : *فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ* (maka sesiapa yang *sakit atau dalam perjalanan, (lalu dia berbuka) maka wajiblah baginya berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain*)

Tafsiran *فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ (فَأُفْطِرَ) فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ* (lalu dia tidak mahu berpuasa pada hari itu) dalam ayat itu *dimahzufkan* (dipadamkan/tidak dizahirkan)

Tarjih

Pendapat jumhur ulama di atas dalil mereka yang tepat.

Hukum Kelima

Mana yang afdal? Berpuasa atau berbuka?

Para ulama fiqh yang mengatakan bahwa berbuka itu hanya suatu keringanan berselisih pendapat mana yang afdal, berpuasa atau berbuka.

- 1) Imam Abu Hanifah, asy-Syafie dan Malik berpendapat berpuasa adalah afdal bagi yang kuat melakukannya, akan tetapi bagi yang tidak kuat berpuasa maka adalah afdal bagi mereka untuk tidak berpuasa.
- 2) Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat bahwa meninggalkan puasa dalam keadaan itu afdal untuk memanfaatkan keringanan dan kelonggaran yang telah Allah berikan. Itu lebih disukai oleh Allah sepertimana Dia menyukai perintah-perintahNya dilaksanakan oleh hamba-hambaNya.

Hujjah golongan pertama

a) Firman Allah swt : *وَ أَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ* (dan berpuasa itu lebih baik bagimu)

b) Firman Allah swt : *يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَ لَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ* (Allah menghendaki bagimu kemudahan dan tidak pula kesusahan)

Tarjih

Pendapat jumhur di atas dalil-dalil yang mereka bawa kuat. Wallaahu a'lam.

Hukum Keenam

Apakah mengqada' (membayar hutang) puasa itu harus berturut-turut?

- 1) Menurut Ali bin Abi Talib, Ibnu Umar ra. dan asy-Syatibi berpendapat bahwa yang meninggalkan puasa disebabkan sakit atau musafir hendaklah mengqada' puasa mereka berturut-turut.
- 2) Jumhur ulama berpendapat sebaliknya, ikut apa yang disenangi oleh seseorang itu.

Hujjah golongan pertama

Cara mengqada' harus sama dengan cara puasa yang ditinggalkan.

Hujjah golongan kedua

Firman Allah : *فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ* (maka hendaklah dia mengqada' puasanya pada hari-hari yang lain) tidak ada dalam ayat itu sesuatu yang menunjukkan bahwa ia mesti berturut-turut.

Tarjih

Pendapat yang lebih kuat ialah pendapat jumhur kerana hujjah mereka yang jelas.

Hukum Ketujuh

Apakah yang dimaksudkan dengan firman Allah : *وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ* (Wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah) ?

- 1) Sebahagian besar ulama berpendapat pada mulanya, puasa disyariatkan berdasarkan kebebasan memilih siapa yang suka maka dia berpuasa dan siapa yang tidak maka dia membayar fidyah.

Ayat ini kemudian dimansuhkan oleh ayat : *فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ* (sesiapa yang berada dalam bulan itu maka hendaklah dia berpuasa)

- 2) Ulama yang lain berpendapat bahwa ayat : *وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ* (Wajib pula bagi orang-orang yang berat berpuasa (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah) tidak dimansuhkan bahkan ia diturunkan mengenai orang-orang yang lanjut usia, orang sakit, yang jika berpuasa akan melemahkan mereka.

Diriwayatkan dari al-Bukhari dari Atha' bahwa beliau mendengar Ibnu Abbas ra membaca ayat : *وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ* lalu beliau berkata : "Ayat tersebut bukan ayat yang dimansuhkan, tetapi ia diturunkan bagi orang-orang tua lelaki dan perempuan kerana mereka tidak daya berpuasa. Lalu mereka wajib membayar fidyah memberi makan seorang miskin."

Tarjih

Ayat tersebut bukan ayat yang dimansuhkan kerana يُطِيقُونَهُ bermakna (memaksanya dengan rasa berat).

Hukum Kelapan

Apakah hukum bagi wanita yang hamil dan yang menyusukan bila mereka tidak dapat berpuasa?

Bagi wanita yang hamil atau menyusukan anaknya, jika berpuasa akan terganggu kesihatan dirinya atau anaknya. Oleh sebab itu dibolehkan baginya berbuka (tidak berpuasa) kerana hukumnya sama seperti orang yang sakit atau dalam perjalanan. Menjadi kesukaran baginya berpuasa dalam hal keadaan yang dialaminya.

Hukum Kesembilan

Apakah cara bagi menetapkan hari pertama bulan Ramadan?

Cara permulaan ialah dengan melihat anak bulan. Sekiranya tidak kelihatan maka hendaklah menyempurnakan bulan sya'ban 30 hari. Sabda Rasulullah saw : *"Mulakan puasa berdasarkan ru'yah, iaitu melihat anak bulan dan mengakhiri puasa juga dengannya. Maka apabila kamu tidak dapat melihat anak bulan tersebut, maka sempurnakanlah sya'ban kepada 30 hari."* (riwayat al-Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah)

Menurut pendapat jumhur ulama, dengan kesaksian (melihat anak bulan) seorang yang dipercayai sudah mencukupi untuk menetapkan awal Ramadan. Diriwayatkan dari Ibnu Umar ra dia berkata : "Orang ramai sedang berusaha mencari anak bulan. Lalu aku memberitahu Rasulullah bahwa aku telah melihatnya. Maka beliau saw berpuasa dan memerintahkan orang ramai supaya berpuasa."

Adapun menurut pendapat seluruh ulama, penetapan awal syawal tidak sah dengan penyaksian seorang sahaja. Ia ditetapkan dengan menyempurnakan 30 hari Ramadan atau dengan melihat anak bulan awal syawal.

Ali ra berkata mengenai hal ini : "Lebih baik aku berpuasa sehari dalam bulan sya'ban daripada aku tidak berpuasa sehari dalam bulan Ramadan."

Hukum kesepuluh

Apakah perbezaan mutlak dianggap tetap wajib mula puasa?

- 1) Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat bahwa perbezaan tersebut tidak mencegah kewajipan mula puasa. Maka apabila penduduk suatu negeri melihat bulan, maka wajiblah bagi daerah-daerah yang lain memulakan puasa.
- 2) Imam asy-Syafie berpendapat bahwa ru'yah di suatu negeri hanya bagi negeri itu sahaja dan tidak menyebabkan negeri yang lain untuk memulakan berpuasa.

Hukum kesebelas

Hukum seorang yang tersalah dalam menentukan waktu berbuka atau bersahur.

Para ulama berbeza pendapat tentang orang yang berbuka kerana menyangka telah masuk waktu maghrib, atau yang masih bersahur kerana menyangka belum masuk fajar. Adakah wajib baginya qada' atau tidak?

- 1) Jumhur ulama iaitu keempat-empat mazhab berpendapat bahwa puasanya itu tidak sah dan wajib baginya qada' puasanya kerana seseorang itu harus mencari kepastian waktu berbuka dan fajar.
- 2) Aliran ظاهرية (fenomenalis) dan juga Hasan al-Bashri berpendapat bahwa puasanya tetap sah dan tidak wajib baginya qada'.

Hujjah golongan pertama

حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ (sehingga terang benang putih dari benang hitam, iaitu fajar) dalam ayat ini Allah menyuruh kita mencari kepastian, bermakna yang tidak mengambil kepastian adalah dari kesilapannya sendiri dan bukan satu kesilapan yang tidak disengajakan.

Hujjah golongan kedua

Sabda Rasulullah saw : *“Ummatku tidak berdosa sekiranya mereka tersalah (tidak sengaja) atau terlupa, atau kerana dipaksa untuk melakukannya.”*

Tarjih

Pendapat jumhur ulama adalah yang tepat kerana orang itu tidak dikenakan kafarah (hukum bagi yang sengaja tidak berpuasa) tetapi wajib baginya qada' atas kesilapannya yang kurang waspada. Sama seperti kesalahan orang yang membunuh dengan tidak sengaja, didenda dengan hukuman kafarah dan *diah*, sedangkan pembunuhan itu tidak disengajakan. Kesalahan kerana tidak sengaja berbeza dengan yang sengaja tidak mengambil berat dan sengaja tidak mencari kepastian. Wallaahu a'lam.

Hukum keduabelas

Adakah junub menghalang puasa?

Firman Allah swt : *فَالآنَ بَاشِرُوهُمْ وَأَبْنَعُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ* (Sekarang campurilah mereka dan carilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu)

Ayat ini menunjukkan bahwa junub tidak menghalang seseorang dari berpuasa. Sekiranya sepasang suami isteri bermesra sesama mereka dan mereka mendapati selesainya apa yang mereka lakukan itu bertepatan dengan terbitnya fajar dan mereka dalam keadaan junub, tetap tidak menghalang mereka dari berpuasa pada hari itu, kerana Allah memerintahkan dalam ayat tersebut sesudah itu, *ثُمَّ أَتِمُّوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ* (kemudian berpuasalah hingga waktu terbenamnya matahari)

Diriwayatkan dari Aisyah ra. beliau berkata : “Nabi saw bangun dalam keadaan junub dan dia berpuasa. Kemudian beliau mandi junub.” (hadis sahih al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahwa junub tidak menghalang puasa, tetapi menghalang solat. Maka seorang itu wajib mandi junub sebelum solatnya.

Wallaahu a’lam.